

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1999/2000

Februari 2000

ACW 121 – Perakaunan Pengurusan 1

Masa : [3 jam]

ARAHAN:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH (7)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Soalan 1

- a. Syarikat Gambir adalah sebuah firma pengilangan yang menggunakan pengekosan pesanan kerja. Pada awal tahun, baki-baki inventori syarikat didapati seperti berikut:

Bahan mentah	RM26,000
Kerja dalam proses	47,000
Barang siap	133,000

Syarikat ini menerapkan overhead kepada kerja-kerja dengan menggunakan kadar yang dipratentu berasaskan jam mesin. Pada awal tahun, syarikat tersebut menganggar bahawa 31,000 jam mesin akan digunakan dengan kos overhead sebanyak RM248,000. Urusniaga-urusniaga berikut telah direkod bagi tahun ini.

1. Bahan mentah dibeli dengan harga RM411,000.
2. Bahan mentah digunakan dalam proses pengilangan bernilai RM409,000 (RM388,000 bahan langsung, RM21,000 bahan tak langsung).
3. Kos bagi pekerja ditampung seperti berikut: buruh langsung RM145,000; buruh tak langsung RM61,000; gaji pekerja pentadbiran RM190,000.
4. Kos penjualan RM148,000.
5. Kos utiliti kilang RM12,000.
6. Susutnilai untuk tahun ini berjumlah RM121,000 yang mana RM114,000 berkaitan dengan operasi kilang manakala RM7,000 berkaitan dengan kegiatan jualan dan pentadbiran.
7. Overhead kilang diserapkan kepada kerja-kerja. Paras aktiviti sebenar bagi tahun ini berjumlah 29,000 jam mesin.

...2/-

8. Kos barang yang siap dikilang untuk tahun ini ialah RM783,000.
9. Jualan untuk tahun berjumlah RM1,107,000 dan kos yang tercatat di dalam lembaran-lembaran (kad-kad) kerja bagi barangan yang dijual berjumlah RM768,000.
10. Baki di dalam akaun overhead kilang ditutup kepada akaun Kos Barang Dijual.

Dikehendaki

Sediakan catatan jurnal yang sewajarnya bagi setiap butiran di atas (1-10). Andaikan semua urusaniaga dengan pekerja, pelanggan dan pembekal dilakukan secara tunai.

[13 markah]

- b. Pada awal tahun 1999, Syarikat Maxi menyediakan lembaran kos piawai bagi salah satu daripada barangan yang dikeluarkannya:

Bahan langsung (5kg @ RM1.60)	RM 8.00
Buruh langsung (2 jam @ RM9.00)	18.00
Overhed tetap (1.5 jam @ RM2.00)	3.00
Overhed boleh ubah (1.5 jam @ RM1.50)	2.25
Kos piawai seunit	<u>RM31.25</u>

Maxi mengira kadar overhead untuk diserap dengan menggunakan volum biasa, iaitu 72,000 unit. Operasi sebenar bagi tahun 1999 adalah seperti berikut:

- Unit dikeluarkan : 70,000.
- Bahan dibeli : 372,000 kg @ RM1.65.
- Bahan digunakan : 370,000 kg.
- Buruh langsung : 145,000 jam @ RM9.05.
- Overhed tetap : RM242,000.
- Overhed boleh ubah : RM218,000.

Dikehendaki

- i. Kirakan varians harga dan penggunaan bahan.
- ii. Kirakan varians kadar dan kecekapan buruh langsung.
- iii. Kirakan varians belanja dan volum bagi overhead tetap.
- iv. Kirakan varians belanja dan kecekapan overhead boleh ubah.

[12 markah]

...3/-

Soalan 2

- a. Jayjay Lampu membuat dua jenis lampu -- lampu lantai dan lampu meja. Lampu lantai dijual pada harga RM30 seunit manakala lampu meja dijual pada harga RM20 seunit. Unjuran penyata pendapatan untuk tahun hadapan adalah seperti berikut:

Jualan	RM600,000
<u>Tolak</u> : Belanja boleh ubah	400,000
Margin Caruman	RM200,000
<u>Tolak</u> : Belanja tetap	150,000
Pendapatan	<u>RM 50,000</u>

Mengikut anggaran syarikat, 60 peratus daripada hasil jualan akan diperolehi daripada lampu lantai dan selebihnya, 40% , datang daripada lampu meja. Enam puluh peratus daripada belanja boleh ubah disebabkan oleh lampu lantai. Daripada belanja tetap, satu pertiga adalah sepunya (*common*) kepada kedua-dua jenis lampu, dan 50 peratus boleh dikesan kepada lampu lantai.

Dikehendaki

- i. Kirakan hasil yang perlu diperolehi oleh Jayjay Lampu untuk mencapai titik pulang modal.
- ii. Tentukan bilangan unit lampu lantai dan lampu meja yang perlu dijual oleh Jayjay Lampu untuk mencapai titik pulang modal.
- iii. Berapakah umpil operasi (*operating leverage*) Jayjay Lampu.
- iv. Andaikan yang hasil sebenar akan meningkat 40 peratus lebih daripada yang dijangkakan. Berapa peratuskah pendapatan akan meningkat berikutan daripada perubahan volum jualan ini?

[12 markah]

- b. Syarikat Jelutong menggunakan sistem pengekosan proses secara purata wajaran. Data berikut berhubung operasi di jabatan pertama untuk bulan November.

Kerja dalam proses, awal (Bahan 50% siap dengan kos RM2,440; Menukar 20% siap dengan kos RM4,928)	800 unit
Unit dimulakan dalam bulan November (Kos bahan RM96,470; kos menukar RM476,362)	15,000 unit
Kerja dalam proses, akhir (Bahan 50% siap ; Menukar 90% siap)	200 unit

...4/-

Dikehendaki

Sediakan laporan kos pengeluaran bagi jabatan ini untuk bulan November.

[13 markah]

Soalan 3

a. Pengarah Kewangan Syarikat ICT sedang mengumpul data untuk menyediakan belanjawan tunai bagi bulan April 2000. Belanjawan ini akan disediakan daripada maklumat berikut:

- Daripada semua jualan, 30 peratus adalah secara tunai.
- Daripada jualan kredit, 60 peratus dikutip dalam bulan jualan dilakukan. Lima puluh peratus daripada jualan kredit yang dikutip dalam bulan jualan dilakukan itu menerima 2 peratus diskaun tunai (akaun-akaun yang dibayar dalam masa 10 hari). Dua puluh peratus daripada jualan kredit dikutip dalam bulan yang berikutnya; jualan kredit yang selebihnya dikutip dalam bulan selepas itu. Boleh dikatakan tiada hutang lapuk dialami oleh ICT.
- Bagi enam bulan pertama tahun 2000 jualan adalah seperti berikut:

	<u>Jualan</u>
Januari	RM230,000 (sebenar)
Februari	300,000 (sebenar)
Mac	500,000 (sebenar)
April	570,000 (anggaran)
Mei	600,000 (anggaran)
Jun	567,000 (anggaran)

- Setiap bulan syarikat menjual semua barangan yang dikeluarkannya. Kos bahan mentah merangkumi 24 peratus daripada setiap ringgit jualan. Syarikat mahukan amaun inventori akhir bahan mentah bagi setiap bulan menyamai keperluan pengeluaran untuk bulan yang berikutnya. Daripada bahan mentah yang dibeli, 50 peratus dibayar di dalam bulan belian dilakukan. Baki 50 peratus lagi dibayar di dalam bulan yang berikutnya.
- Upahan pekerja berjumlah RM55,000 setiap bulan dan dibayar di dalam bulan ianya berlaku.
- Belanjawan bulanan belanja operasi berjumlah RM168,000 merangkumi RM25,000 susutnilai dan RM3,000 peluputan insurans bayar dahulu (premium tahunan RM36,000 dibayar pada 1 Januari).
- Dividen RM70,000, diisytihar pada 31 Mac, akan dibayar pada 15 April.

...5/-

- Peralatan lama akan dijual pada harga RM12,600 pada 4 April.
- Pada 13 April peralatan baru akan dibeli pada harga RM84,000.
- Syarikat mahukan baki tunai minimum RM10,000.
- Baki tunai pada 1 April ialah RM13,500.

Dikehendaki

Sediakan satu belanjawan tunai bagi bulan April. Tunjukkan dokumen sokongan yang memperincikan kutipan jualan tunai.

[19 markah]

b. Terangkan dengan memberi contoh yang jelas bagi DUA daripada perkara berikut:

- i. Kos separa berubah (*semi variable cost*)
- ii. Julat berkenaan (*relevant range*)
- iii. Kelok pembelajaran (*learning curve*)
- iv. "Lain kos untuk lain tujuan" ("*different costs for different purposes*")

[6 markah]

Soalan 4

a. "Ini tidak masuki akal" kata Bashir Shariff, ketua eksekutif Syarikat Ehsan. "Bilangan jualan kita adalah sama seperti tahun yang lepas. Namun demikian keuntungan kita telah lebih dari dua kali ganda. Siapa yang membuat lawak ini – komputer atau mereka yang menggunakannya?" Penyata-penyata yang dimaksudkan oleh En Bashir Shariff ditunjukkan seperti di bawah ini (berdasarkan pengkosan serapan):

	Tahun 1	Tahun 2
Jualan (20,000 unit)	RM700,000	RM700,000
<u>Tolak</u> : Kos barang dijual	<u>460,000</u>	<u>400,000</u>
Margin kasar	240,000	300,000
<u>Tolak</u> : Belanja jualan dan pentadbiran	<u>200,000</u>	<u>200,000</u>
Pendapatan	<u>40,000</u>	<u>100,000</u>

...6/-

Penyata di atas menunjukkan keputusan operasi bagi dua tahun pertama. Dalam tahun pertama, syarikat telah mengeluarkan dan menjual 20,000 unit; dalam tahun kedua, syarikat juga menjual 20,000 unit, tetapi pengeluaran ditingkatkan untuk stok simpanan. Maklumat terperinci adalah seperti berikut:

	Tahun 1	Tahun 2
Pengeluaran (unit)	20,000	25,000
Jualan (unit)	20,000	20,000
Kos pengilangan boleh ubah	RM8	RM8
Kos overhead kilang tetap	RM300,000	RM300,000

Syarikat Ehsan mengeluarkan satu jenis barangan, dan overhead kilang tetap diserapkan kepada barangan berasaskan pengeluaran setiap tahun. (Kadar penyerapan overhead yang baru dikira setiap tahun). Kos jualan dan pentadbiran boleh ubah ialah RM1 seunit yang dijual.

Dikehendaki

- i. Kirakan kos seunit barangan bagi setiap tahun berasaskan:
 1. pengekosan serapan.
 2. pengekosan variabel.
- ii. Sediakan satu penyata pendapatan bagi setiap tahun dengan menggunakan pendekatan caruman berasaskan pengekosan variabel.
- iii. Sesuaikan angka pendapatan berasaskan pengekosan serapan dengan pengekosan variabel bagi setiap tahun.
- iv. Apabila pengekosan serapan digunakan, pendapatan Tahun 2 didapati lebih tinggi daripada pendapatan Tahun 1, sedangkan bilangan unit yang dijual adalah sama bagi kedua-dua tahun tersebut. Jelaskan kepada ketua eksekutif Ehsan sebab perbezaan ini.
- v.
 1. Terangkan bagaimana operasi akan berbeza di dalam Tahun 2 sekiranya syarikat menggunakan kaedah inventori Tepat Pada Masa (JIT).
 2. Sekiranya JIT telah digunakan dalam Tahun 2, berapakah pendapatan syarikat yang dilaporkan berasaskan pengekosan serapan. Sekiranya ada perbezaan di antara angka ini dengan angka yang dilaporkan oleh syarikat di dalam penyata di atas, terangkan sebabnya.

[19 markah]

...7/-

b. Bincangkan dengan jelas perbezaan pendekatan pengkosan yang disenaraikan di bawah ini dari segi kehalusan dan ketelitiannya dalam menangani kos overhead di dalam proses pengkosan barangan.

- Kadar overhead bagi keseluruhan kilang (*plant-wide rate*).
- Kadar overhead bagi setiap jabatan (*departmental rates*).
- Pengkosan Berasaskan Aktiviti (ABC)

[6 markah]

---ooo000ooo---

